



INTERNATIONAL JOURNAL OF
ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)
www.ijemp.com



**PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAP KUALITI MASJID
DAN KESANNYA TERHADAP PELAKSANAAN SOLAT
SECARA BERJEMAH: KAJIAN DI SELURUH MASJID DI
KELANTAN**

*THE COMMUNITY'S VIEW ON THE QUALITY OF MOSQUES AND ITS IMPACT
ON THE PERFORMANCE OF CONGREGATION PRAYER: A STUDY ACROSS
MOSQUES IN KELANTAN*

Muhammad Saiful Anuar Yusoff ^{1*}, Mohd Fadzuli Mohd Zain ², Zawiah Seman³

¹ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia
Email: saiful673@iuitm.edu.my

² Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Malaysia
Email: mohd_fadzuli71@yahoo.com

³ SMK Agama Wataniah, Machang, Malaysia
Email: zawiahseman5076@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 06.06.2023

To cite this document:

Yusoff, M. S. A., Zain, M. F. M., & Seman, Z. (2023). Pandangan Masyarakat Terhadap Kualiti Masjid Dan Kesannya Terhadap Pelaksanaan Solat Secara Berjemaah: Kajian Di Seluruh Masjid Di Kelantan. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 6 (21), 74-86.

DOI: 10.35631/IJEMP.621007

Abstrak:

Kualiti merupakan perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna berdasarkan spesifikasi atau piawaian yang telah ditetapkan. Masjid yang berkualiti merupakan antara faktor pendorong masyarakat untuk hadir solat dan solat secara berjemaah di masjid. Walaupun demikian, antara faktor yang dikaitkan dengan kurangnya kehadiran individu untuk berjemaah di masjid adalah tahap kualiti masjid yang kurang memuaskan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai tahap kualiti masjid berdasarkan persepsi jemaah masjid dan kesan masjid yang berkualiti terhadap pelaksanaan solat secara berjemaah di masjid-masjid di negeri Kelantan. Sebanyak 618 data diperoleh daripada jemaah masjid di Kelantan yang dianalisis menggunakan perisian SmartPLS 3.0. Dapatan kajian membuktikan bahawa a) tahap persepsi masyarakat terhadap kualiti masjid adalah tinggi ($M=6.18-6.22$; $SP:0.93-0.96$) dan b) terdapat pengaruh kualiti masjid yang positif dan besar terhadap pelaksanaan solat secara berjemaah di masjid ($\beta=.775$, $t=29.578$, $p<0.01$, $f^2=1.508$). Berdasarkan kepada hasil analisis IPMA dalam PLS, pengurusan masjid yang berkualiti merupakan faktor paling penting yang mempengaruhi pelaksanaan solat secara berjemaah di masjid diikuti dengan kualiti kuliah agama di masjid, kualiti prasarana dan kemudahan masjid serta kualiti fizikal

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



masjid seperti kebersihan, keceriaan dan keselamatan masjid. Penemuan ini membuktikan kesemua elemen kualiti masjid ini mempengaruhi kehadiran jemaah untuk melaksanakan solat secara berjemaah di masjid-masjid di negeri Kelantan.

Kata Kunci:

Kualiti, Pengurusan, Kuliah Agama, Fasiliti, Aspek Fizikal Masjid, Pelaksanaan Solat Berjemaah.

Abstract:

Quality is a service provided to users based on specifications or standards that have been set. A quality mosque is one of the driving factors for the community to attend prayer and pray in congregation at the mosque. Despite this, one of the factors associated with the lack of individual attendance at mosques is the level of mosque quality that is less than satisfactory. Therefore, this study was conducted with the aim of evaluating the level of mosque quality based on the perception of mosque congregations and the effect of a quality mosque on the implementation of congregational prayers in mosques in the state of Kelantan. A total of 618 data were obtained from mosque congregations in Kelantan which were analyzed using SmartPLS 3.0 software. The findings of the study prove that a) the community's perception of the quality of the mosque is high ($M=6.18-6.22$; $SD:0.93-0.96$) and b) there is a positive and large influence of the quality of the mosque on the performance of congregational prayers in the mosque ($\beta=.775$, $t=29.578$, $p<0.01$, $f^2=1.508$). Based on the results of IPMA's analysis in PLS, quality mosque management is the most important factor that affects the execution of congregational prayers in mosques followed by the quality of religious lectures in mosques, the quality of mosque infrastructure and facilities as well as the quality of cleanliness, cheerfulness and safety of mosques. This finding proves that all elements of the quality of this mosque affect the presence of congregations to perform congregational prayers in mosques in the state of Kelantan.

Keywords:

Quality, Management, Religious Lectures, Facilities, Physical Aspects Of The Mosque, The Implementation Of Congregational Prayers

Pendahuluan

Solat berjemaah mempunyai kepentingan dan kelebihan yang cukup besar. Melalui solat berjemaah kita boleh menzahirkan syiar Islam malah boleh menghidupkan sunah Nabi SAW (JAKIM, 2020). Umat Islam hendaklah mengutamakan solat berjemaah kerana fadhilatnya cukup banyak dan besar ganjarannya di sisi Allah SWT. Solat secara berjemaah sangat dituntut dalam Islam serta digalakkan dan lebih afdal dilakukan di masjid. Oleh itu, sebaik-baiknya setiap ahli qariah iaitu penduduk di sesuatu kawasan penempatan berasa bertanggungjawab untuk mendirikan solat secara berjemaah dan tidak meninggalkannya kecuali ada hal-hal penting atau keuzuran yang tidak dapat dielakkan. Solat berjemaah juga memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat yang menjadi sumber kekuatan umat Islam. Selain itu, amalan solat berjemaah perlu dihidupkan kerana ia merupakan asas kepada pengimaran masjid dan paling utama, ia merupakan tanda ketinggian iman seseorang individu.

Menurut Hassan (1996), konsep kualiti dalam Islam adalah bersifat lebih menyeluruh. Islam melihat kualiti sebagai suatu proses yang membawa kepada perubahan positif yang menekankan prestasi cemerlang dalam segenap lapangan kehidupan manusia. Matlamat perkhidmatan berkualiti bukanlah untuk memenuhi keperluan jemaah sahaja, tetapi lebih penting lagi adalah untuk memenuhi tuntutan atau keperluan individu, organisasi dan masyarakat keseluruhannya. Kualiti merupakan keperluan masyarakat untuk menyelesaikan masalah yang dialami masyarakat. Kualiti sebagai indikator prestasi yang sangat jelas bagi setiap perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesebuah institusi dan organisasi kepada pengguna. Kualiti adalah isu penting dan yang utama bagi menentukan kesempurnaan sesuatu institusi yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi. Penilaian terhadap kualiti dapat dikesan melalui proses perkhidmatan dan kepuasan (Ware & Sherbourne, 1992).

Masjid sememangnya memainkan peranan sebagai medan yang amat berpengaruh di tengah perkembangan masyarakat. Namun pada masa kini, terdapat isu masyarakat setempat kurang mengerjakan solat berjemaah di masjid (Nor Rosmawati, 2016). Antara faktor yang dikaitkan dengan isu ini, kualiti masjid yang tidak mencapai tahap yang sepatutnya. Di antara persoalan yang ditimbulkan, isu kualiti pengurusan masjid, kualiti pengimarah masjid dengan majlis ilmu, kualiti prasarana dan kemudahan masjid dan kualiti persekitaran dan fizikal masjid yang melibatkan kebersihan, keceriaan dan keselamatan (Roslan, 2008). Terdapat beberapa kajian dilakukan berkaitan kualiti institusi masjid, pengurusan berkualiti, pengurusan masjid cemerlang dan pemeraksanaan masjid melalui pengurusan profesional (Ajmain, 2008; Mohd Ismail & Kamarul Azmi, 2008; Mohd Noor Azli, Mohd Zulrushdi & Norhayati, 2008; Roslan, 2008). Namun, kajian yang spesifik dan menyeluruh berkaitan isu-isu yang diutarakan di atas belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji dalam satu model kajian. Oleh yang demikian, satu kajian perlu dilakukan untuk mengisi lompong kajian berkaitan kualiti masjid ini. Dengan ini, kajian ini dijalankan untuk (a) menilai tahap persepsi masyarakat terhadap kualiti umum masjid di Kelantan, (b) pengaruh kualiti masjid terhadap pelaksanaan solat secara berjemaah dan (c) mengenalpasti aspek penting kualiti masjid yang mendorong masyarakat untuk melaksanakan solat secara berjemaah di masjid-masjid di Kelantan.

Kajian Literatur

Solat berjemaah mempunyai kepentingan dan kelebihan yang cukup besar. Ia merupakan satu syiar yang perlu dipertahankan dan ditunaikan oleh umat Islam. Umat Islam hendaklah mengutamakan solat berjemaah kerana fadhilatnya cukup banyak dan besar ganjarannya di sisi Allah SWT. Solat secara berjemaah sangat dituntut dalam Islam serta digalakkan dan lebih afdal dilakukan di masjid. Oleh itu, sebaik-baiknya setiap ahli qariah iaitu penduduk di sesuatu kawasan penempatan perlu memiliki kesedaran dan tanggungjawab untuk mendirikan solat berjemaah. Kepentingan solat berjemaah juga dilihat dari sudut pemupukan semangat perpaduan dalam kalangan golongan muslim. Solat berjemaah juga merupakan satu wasilah dan cara untuk memupuk mahabbah dan kasih sayang serta semangat tolong menolong antara sesama muslim (Al-Kafi Li Al-Fatawa, 2019).

Penglibatan masyarakat Islam untuk solat berjemaah berkait rapat dengan kualiti pengurusan masjid. Seseorang pengguna menilai mutu bagi sesuatu produk yang dikeluarkan atau perkhidmatan yang diberikan sama ada ianya memenuhi kehendak, permintaan dan keperluan pengguna tersebut. Kualiti haruslah dilihat dari dua segi iaitu dari segi luaran dan dalaman. Kualiti bukan sahaja perlu memenuhi spesifikasi dan piawaian yang dibentuk oleh institusi dan organisasi, tetapi juga harus memenuhi kehendak atau kepuasan pengguna (Mohd Khalit, 2006). Di sini pentingnya meningkatkan mutu kualiti sesuatu perkara dan memberikan

keselesaian kepada setiap pengguna (Azmi, Ismail & Basir, 2010). Perkhidmatan yang berkualiti bagi sesebuah institusi adalah bermaksud sesuatu perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna yang akan memenuhi kehendak atau kepuasan pengguna berdasarkan spesifikasi atau piawaian yang telah ditetapkan. Dalam konteks masjid yang berkualiti, pengurusan masjid yang baik, pengimarahkan masjid dengan kuliah agama yang berkesan, penyediaan prasarana yang sesuai dan penjagaan kualiti persekitaran dan fizikal masjid adalah contoh elemen kualiti masjid yang memenuhi kepuasan jemaah masjid dan mendorong mereka untuk hadir ke masjid untuk solat berjemaah.

Pengurusan masjid yang berkualiti menentukan kemakmuran sesebuah masjid. Ahli jawatankuasa masjid merupakan kuasa eksekutif pentadbiran masjid. Segala keputusan mengenai pentadbiran dan pengurusan adalah di bawah tanggungjawab mereka. Pegawai masjid pula merupakan orang yang bertanggungjawab merancang dan mengurus segala program masjid supaya masjid benar-benar dapat berfungsi sebagai tempat pembangunan insan, agar dari usaha tersebut dapat membentuk generasi yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Pegawai masjid hanya menjalankan tugas sebagai pelaksana kepada segala keputusan yang telah ditetapkan oleh ahli jawatankuasa masjid (Yaacob, 1996). Oleh yang demikian, ahli jawatankuasa masjid sebenarnya merupakan kumpulan perancang dan pembuat keputusan terhadap sesuatu program yang hendak dilaksanakan oleh pihak masjid termasuklah kelas pengajian agama. Pengurusan masjid yang cekap bergantung kepada keputusan yang dibuat oleh ahli jawatankuasa masjid. Dapatan kajian Nor Rosmawati dan Siti Syafiqah (2016) mendapati pengurusan masjid yang berkualiti menentukan kemakmuran sesebuah masjid. Kecenderungan masyarakat dalam mengimarahkan masjid berlaku seiring dengan peningkatan kualiti pengurusan masjid. Pengurusan masjid yang tidak cekap menjadi penghalang kepada masyarakat untuk mengimarahkan masjid.

Pengimarahkan masjid melalui aktiviti dan kuliah agama di masjid mempunyai hubungan yang erat dengan pembangunan individu dan masyarakat. Masjid merupakan salah satu daripada tempat utama penyebaran ilmu dan kebudayaan Islam. Peranan yang dimainkan oleh masjid ini dapat dilihat melalui program kelas agama yang diadakan kepada masyarakat setempat. Namun, sambutan kepada program agama ini bagi sesetengah masjid kurang menggalakkan walaupun kos yang banyak diperuntukkan oleh masjid terutama untuk bayaran wang saku tenaga pengajarnya. Pelajar yang mengikuti majlis ilmu ini biasanya adalah orang yang sama dan amat sedikit pertambahan pelajar baru yang mengikutinya (Fahkrul Adabi, 2007). Selain itu, kedengaran rungutan dalam kalangan komuniti dan jemaah masjid dan surau berkaitan ketiadaan kualiti program masjid yang dianjurkan yang diterjemahkan melalui sambutan masyarakat setempat yang tidak menggalakkan. Menurut Asmak dan Zulekha (2004), antara faktor yang menyumbang kepada kelemahan ini adalah pemilihan tajuk program dan ceramah yang tidak sesuai menjadikan program tersebut tidak menarik dan seterusnya gagal untuk menarik masyarakat untuk hadir ke program tersebut.

Kualiti prasarana juga memainkan peranan yang penting dalam menarik pengunjung atau jemaah ke masjid. Menurut Muhammad Farhan dan Mohd Dani (2016), pengurusan fasiliti dan kemudahan masjid perlu di titik beratkan dan diuruskan dengan cekap bagi memastikan aspek ini mencapai kualiti yang menjamin kepesatan pembangunan masjid dan pertambahan jemaah masjid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Kajian Asmak dan Zulekha (2004) mendapati terdapat kemudahan dalam bangunan masjid tidak mesra jemaah. Hal yang sama disentuh oleh mantan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Datuk Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz yang mana, beliau meluahkan rasa keprihatinan beliau terhadap

kemudahan yang tidak memuaskan bagi pengunjung wanita Islam (Siti Rokyah, Ros Norita, Mohamed Muneer & Wan Anuar, 2017). Antara aspek yang disentuh oleh beliau, ruang wuduk terbuka yang menyulitkan kaum wanita untuk menjaga aurat mereka. Ini dikuatkan lagi dengan pelbagai keluhan yang dilontarkan dalam laman sesawang daripada kaum wanita Islam yang kurang selesa menggunakan prasarana masjid yang yang tidak mesra wanita (Siti Rokyah et al., 2017). Kualiti prasarana perlu dititik beratkan bagi memastikan kemudahan yang diberikan kepada pengunjung dan jemaah masjid memenuhi matlamat yang dirancang. Masjid yang kurang peka terhadap aduan kerosakan peralatan dan kemudahan masjid menjadi faktor kurangnya ahli jemaah menunaikan solat di masjid tersebut (Azlan & Rashidi, 2018). Menurut kajian Muhamad Faisal dan Firdaus (2018), kemudahan prasarana yang kurang sempurna menjadi faktor kekurangan ahli jemaah hadir ke masjid. Begitu juga kemudahan asas yang kurang sempurna dan lokasi yang tidak strategik merupakan faktor penyumbang kepada kurangnya kehadiran jemaah ke masjid. Persekitaran masjid juga perlu dilengkapi dengan prasarana dan kemudahan yang lengkap.

Kualiti fizikal masjid dari sudut kebersihan, keceriaan dan keselamatan merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kesediaan pengunjung dan jemaah untuk hadir ke masjid. Persekitaran yang indah, menarik, kemas dan teratur menjadikan masjid lebih ceria yang menjadi daya penarik kepada masyarakat untuk mengunjunginya. Langkah-langkah untuk memperindahkan serta memperkemaskan masjid perlu dilaksanakan sesuai dengan kehendak Islam (Abdul Rashid, 2009). Namun, dalam situasi semasa, aspek kebersihan masjid yang tidak terjaga sering ditimbulkan. Kritikan berkaitan masjid yang kotor dan tidak terurus sering kedengaran (Rozmal, 2005). Selain daripada aspek kebersihan, kualiti masjid dari sudut keselamatan juga perlu diberi keutamaan. Insiden amuk di masjid, kebakaran mimbar dan permaidani masjid yang berlaku di Padang Terap, Kedah, kejadian struktur bumbung masjid runtuh di Kuala Terengganu dan penularan wabak virus Covid-19 memerlukan pihak pengurusan masjid mempunyai panduan asas keselamatan ketika hendak melakukan solat jemaah atau mengadakan majlis-majlis keagamaan di masjid (Halim, Latih & Saidin, 2020). Kejadian sebegini menyebabkan masyarakat merasa terancam dan khuatir tentang tahap keselamatan diri mereka. Keadaan ini secara tidak langsung mempengaruhi kehadiran mereka untuk berjemaah di masjid.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, hipotesis di bawah dibentuk:

H1: Terdapat hubungan positif yang signifikan di antara kualiti masjid dengan pelaksanaan ibadat solat secara berjemaah di masjid.

Metodologi Kajian

Kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif ini dijalankan terhadap jemaah yang menunaikan solat secara berjemaah di seluruh jajahan di Kelantan. Untuk memastikan sampel responden yang dipilih mewakili populasi kajian yang tidak seragam dan berbeza jumlah mengikut jajahan, teknik persampelan rawak berkelompok digunakan. Jemaah masjid sebagai unit analisis dikelompokkan berdasarkan masjid mengikut jajahan masing-masing. Daripada tiga 13 jajahan di Kelantan, dua buah masjid dipilih secara rawak daripada setiap jajahan dengan bilangan jemaah setiap masjid yang dipilih secara rawak seramai 25 orang menjadikan jumlah keseluruhan responden kajian 650 orang. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), sebanyak 384 responden diperlukan untuk mewakili kesemua populasi jemaah masjid yang terdapat di Kelantan. Daripada 650 borang soal selidik yang diedarkan, 618 (95.1%) borang soal selidik dapat digunakan. Bilangan ini mencukupi untuk memberi

gambaran yang lebih terperinci berkaitan jemaah yang melaksanakan solat secara berjemaah di masjid di Kelantan.

Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A berkaitan maklumat demografi seperti jantina, umur, pekerjaan, pendapatan isi rumah, kelayakan akademik dan tempat tinggal. Bahagian B berkaitan empat elemen kualiti dan bahagian C berkaitan pelaksanaan solat secara berjemaah di masjid. Kesemua item kajian diukur menggunakan skala Likert 7 mata (sangat tidak setuju - sangat setuju). Skala Likert digunakan untuk mengukur empat elemen kualiti masjid iaitu kualiti pengurusan masjid, kualiti kuliah agama, kualiti prasarana masjid dan kualiti kebersihan, keceriaan dan keselamatan masjid.

Sebelum analisis data dilaksanakan, proses pembersihan data yang melibatkan beberapa ujian seperti data yang tidak lengkap dan pengesanan data terpencil dilakukan. Daripada jumlah keseluruhan soal selidik yang diedarkan, 618 data yang baik dan bebas daripada masalah di atas dikekalkan untuk tujuan analisis selanjutnya. Seterusnya, dengan *Statistical Software Package for Social Sciences* (SPSS) Versi 23.0 dan SmartPLS 3.0 digunakan. Analisis yang dilakukan sesuai dengan objektif kajian. Sebahagian data dijelaskan dalam bentuk jadual untuk membolehkan pembaca memahami dengan lebih jelas dapatan kajian. Analisis yang dijalankan melibatkan statistik deskriptif, analisis frekuensi, ujian kebolehpercayaan dan analisis permodelan persamaan berstruktur (SEM).

Dapatan Kajian

Profil Demografi Responden

Majoriti responden terdiri daripada 399 jemaah lelaki (64.6%) manakala jemaah perempuan seramai 219 (35.4%). Kebanyakan umur responden pada peringkat pertengahan iaitu antara 40 dan 59 tahun (38.2%), peringkat belia antara 25 dan 39 tahun (27.3%), peringkat berumur lanjut antara 60 dan 74 tahun (18.1%) dan peringkat remaja antara 15 dan 24 tahun (13.8%). Bagi golongan tua antara 75 dan 90 tahun dan kanak-kanak antara 0 dan 14 tahun menunjukkan peratusan paling rendah iaitu masing-masing hanya 2.1% dan 0.5%. Terdapat 49.4% responden yang berpendapatan bawah RM950.00, antara RM951.00 dan RM 3860 (37.7%), antara RM3861.00 dan RM8319.00 (10.7%) dan berpendapatan melebihi RM8320.00 (2.3%). Peratusan responden berkecayaan SPM adalah yang paling tinggi iaitu 42.6% manakala yang paling rendah adalah PhD iaitu 0.8%. Responden berkecayaan diploma (15.9%), sarjana muda (15.2%), master (5.5%) dan selebihnya lain-lain kecayaan (20.1%). Responden yang tinggal di Pasir Mas menunjukkan peratusan paling tinggi (15.4%) manakala responden yang tinggal di Tumpat dan Tanah Merah mempunyai peratusan yang sama (10.7%).

Analisis Data

Pertama sekali, analisis deskriptif menggunakan perisian SPSS dilaksanakan untuk melihat tahap penilaian responden terhadap kualiti masjid di negeri Kelantan. Kedua, analisis permodelan persamaan berstruktur (SEM) menggunakan perisian SmartPLS dilakukan untuk menguji kesan kualiti masjid dan penentuan faktor kualiti yang paling penting terhadap terhadap pelaksanaan ibadat solat secara berjemaah di masjid di Kelantan.

Analisis Deskriptif

Dapatan yang diperolehi daripada borang soal selidik dinilai menggunakan purata setiap elemen kualiti (M) dan sisihan piawai (SP) dalam menentukan persepsi responden terhadap empat elemen kualiti masjid. Daripada tujuh mata skala Likert, nilai 5.6 ke atas di anggap tinggi,

antara 3.5 dan 5.5 dianggap sederhana dan antara 0 dan 3.4 dianggap rendah. Bagi nilai sisihan piawai, nilai antara 0.00 dan 0.25 dianggap mendapat persetujuan responden yang sangat rendah, nilai antara 0.26 dan 0.50 dianggap mendapat persetujuan responden yang rendah, nilai antara 0.51 dan 0.75 dianggap mendapat persetujuan responden yang sederhana, nilai antara 0.76 dan 1.00 dianggap mendapat persetujuan responden yang tinggi dan >1.01 dianggap mendapat persetujuan responden yang sangat tinggi (Ramlee, 1999).

Hasil analisis menunjukkan nilai min berada antara 6.18 dan 6.22. Responden kajian menilai pada tahap yang tinggi kesemua elemen kualiti masjid iaitu kualiti pengurusan masjid, kualiti kuliah agama, kualiti fasiliti dan kemudahan masjid dan kualiti kebersihan, keceriaan dan keselamatan masjid. Dapatan analisis ini disokong oleh tahap persetujuan yang tinggi responden terhadap kesemua elemen kualiti dengan nilai sisihan piawai (SP) antara 0.93 dan 0.96. Ringkasan persepsi responden terhadap empat elemen kualiti dijelaskan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Taburan Persepsi Responden Berkaitan Kualiti Masjid

Item	M	SP	Tahap
Pengurusan Masjid	6.18	0.95	Tinggi
Kuliah Agama	6.20	0.94	Tinggi
Kemudahan Prasarana Masjid	6.22	0.93	Tinggi
Persekitaran Masjid (kebersihan, keceriaan dan keselamatan)	6.21	0.96	Tinggi

M: mean, SP: sisihan piawai.

Sumber: Penulis (2023)

Penilaian Model Pengukuran

Jadual 2 menerangkan hasil ujian kebolehppercayaan dan kesahan konstruk konvergen. Kesahan konvergen merujuk kepada sejauh mana suatu skala pengukuran (misalnya, sejumlah item yang dirancang untuk mengukur konstruk tertentu) berhubungan secara positif dan signifikan dengan skala lain yang seharusnya mengukur konstruk yang sama (Malhotra, 2002). Dapatan kajian menunjukkan kesemua item mencapai konsistensi dalaman yang tinggi (Nunnally & Bernstein, 1994; Chin, 1998) dan purata varian diekstrak (AVE) dan kebolehppercayaan komposit (CR) yang mencukupi untuk mengesahkan kesahan konvergen (Hair et al., 2014). Nilai *Cronbach's Alpha* juga menunjukkan item-item dalam skala pengukuran saling berkorelasi dan secara konsisten mengukur konstruk yang sama (Cronbach, 1951; Stevens, 2002).

Jadual 2: Ujian kesahan konvergen

Konstruk	Item	Muatan (Loading)	Cronbach	CR	AVE
KUA	K1	0.869	0.917	0.917	0.734
	K2	0.856			
	K3	0.846			
	K4	0.857			
PSJ	PSJ1	0.680	0.832	0.830	0.550
	PSJ2	0.762			
	PSJ3	0.703			
	PSJ4	0.815			

KUA: Kualiti, PSJ: Pelaksanaan Solat Berjemaah, CR: Kebolehppercayaan Komposit, AVE: Purata Varian Diekstrak

Sumber: Penulis (2023)

Kesahan diskriminan diperiksa menggunakan nilai HTMT. Heterotrait-Monotrait (HTMT) adalah ratio yang digunakan untuk mendapatkan kesahan diskriminan dalam PLS 3 (Henseler et al., 2015). Sebagaimana yang diterangkan dalam Jadual 2, kesahan diskriminan di antara konstruk kajian berada di bawah nilai yang ditetapkan iaitu 0.90. Sekiranya nilai HTMT 0.90 atau lebih besar daripada 0.90 (Gold, Malhotra & Segars, 2001), nilai ini menunjukkan kewujudan masalah kesahan diskriminan. Semua nilai yang diperoleh di bawah tahap HTMT 0.90 (Gold et al., 2001) dan ini menunjukkan kesahan diskriminan telah dicapai. Ratio Heterotrait-Monotrait (HTMT) diterangkan dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Ratio Heterotrait-Monotrait (HTMT)

	KUA	PSJ
KUA		
PSJ	0.771	

KUA: Kualiti, PSJ: Pelaksanaan Solat Berjemaah
Sumber: Penulis (2023)

Hasil analisis ratio HTMT menunjukkan tidak terdapat isu kolineariti di antara item kajian dan kesemua item yang digunakan disahkan mengukur konstruk yang sepatutnya. Apabila penilaian model pengukur telah memenuhi syarat yang telah ditetapkan, analisis seterusnya dilakukan iaitu pengujian model struktur dan hipotesis kajian.

Penilaian Model Struktur

Sebelum penilaian model struktur dijalankan, kualiti model diperoleh melalui pelaporan nilai beta (β), nilai R^2 , saiz kesan (f^2) dan nilai kerelevenan peramalan (Q^2). Seterusnya, analisis *bootstrap* menggunakan kaedah persampelan semula sebanyak 5000 dilakukan untuk menjawab hipotesis kajian (Hair et al., 2017). Hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Ujian Pekali Laluan

Hipotesis	Hubungan	Beta	SE	Nilai t	Keputusan	R^2	f^2	Q^2
H1	KUA -> PSJ	0.775	0.026	29.578	Disokong	0.601	1.508	0.298

KUA: Kualiti, PSJ: Pelaksanaan Solat Berjemaah

** $p < 0.01$, nilai t lebih besar daripada 2.33.

* $p < 0.05$, nilai t lebih besar daripada 1.645.

Sumber: Penulis (2023)

Jadual 4 menunjukkan keputusan pengujian hipotesis dan kualiti model. Kualiti masjid secara signifikan meramalkan pelaksanaan solat berjemaah pada tahap yang sederhana. Nilai $R^2 = 0.601$ menunjukkan bahawa sebanyak 60.1% daripada varian pelaksanaan solat berjemaah diterangkan oleh kualiti masjid (KUA). Nilai ini adalah sederhana menurut tahap yang ditetapkan oleh Chin (1998) iaitu 0.67 (tinggi), 0.33 (sederhana) dan 0.19 (rendah). Saiz kesan (f^2) sebanyak 1.508 menunjukkan saiz kesan yang besar menurut garis panduan yang diberikan oleh Cohen (1988) iaitu 0.02 (kecil), 0.15 (sederhana) dan 0.35 (besar). Nilai relevan peramalan (Q^2) melebihi nilai 0 menunjukkan kualiti masjid sebagai pemboleh ubah bersandar mampu untuk pelaksanaan solat berjemaah (Hair et al. 2014).

Analisis *bootstrap* yang ditunjukkan oleh Jadual 4 juga menunjukkan bahawa hipotesis kajian adalah disokong dengan nilai t sama atau melebihi 1.645. Secara lebih terperinci, kualiti masjid ($\beta=0.775$, $t = 29.578$, $p < 0.01$, $f^2 = 1.508$) secara positif mempengaruhi pelaksanaan solat berjemaah. Oleh yang demikian, H_1 telah disokong sepenuhnya.


Analisis IPMA (*Importance-Performance Map Analysis*) dilakukan untuk menentukan kepentingan setiap konstruk dalam model kajian (Martilla & James, 1977). Jadual 5 dengan jelas menunjukkan faktor pengurusan masjid merupakan faktor paling penting dengan nilai kepentingan (0.164) dan pencapaian (83.689), diikuti faktor kuliah agama, kemudahan prasarana dan persekitaran masjid dari sudut kebersihan, keselamatan dan keceriaan. Walaupun demikian, perbezaan di antara keempat-empat faktor adalah sangat kecil. Rajah 1 menunjukkan kedudukan kesemua konstruk yang terletak di ruangan kotak sebelah kanan atas. Kedudukan ini dengan jelas menunjukkan kesemua konstruk merupakan faktor-faktor penting yang menentukan pelaksanaan solat secara berjemaah di masjid-masjid di Kelantan. Dengan mengambil kira hasil analisis IPMA ini, aspek kualiti masjid perlu diberi keutamaan dalam menggalakkan para jemaah untuk hadir ke masjid untuk menunaikan solat secara berjemaah.

Jadual 5: Hasil Analisis IPMA

Konstruk	Kepentingan (Kesan Keseluruhan)	Pencapaian (Nilai Index)
K1	0.164	83.689
K2	0.162	83.981
K3	0.162	84.401
K4	0.158	86.893

K1: Pengurusan Masjid, K2: Kuliah Agama, K3: Kemudahan Prasarana Masjid, K4: Persekitaran Masjid (kebersihan, keceriaan dan keselamatan)

Sumber: Penulis (2023)



K1: Pengurusan Masjid, K2: Kuliah Agama, K3: Kemudahan Prasarana Masjid, K4: Persekitaran Masjid (kebersihan, keceriaan dan keselamatan)

Sumber: Penulis (2023)

Rajah 1: Hasil Analisis IPMA

Perbincangan

Kajian ini dilakukan untuk melihat tahap pandangan masyarakat terhadap kualiti masjid dan kaitannya dengan pelaksanaan ibadat solat secara berjemaah dalam kalangan masyarakat di Kelantan. Dapatan kajian mendapati penilaian masyarakat terhadap empat elemen kualiti masjid adalah baik dengan kesemua elemen kualiti dinilai pada tahap yang tinggi iaitu kualiti pengurusan masjid, kualiti kuliah agama, kualiti prasarana dan kemudahan masjid dan kualiti kebersihan, keceriaan dan keselamatan masjid. Kesemua faktor di atas mempengaruhi secara positif pelaksanaan ibadat solat secara berjemaah dalam kalangan masyarakat di Kelantan.

Berkaitan objektif pertama, pandangan responden terhadap elemen kualiti masjid tidak banyak berbeza antara satu sama lain. Faktor kualiti prasarana masjid dinilai oleh responden pada tahap yang paling tinggi. Dapatan kajian ini berbeza dengan kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini terhadap masjid di luar negeri Kelantan yang mendapati terdapat kemudahan dan prasarana masjid yang disediakan tidak mesra jemaah seperti kemudahan ruang wuduk yang terbuka dan tidak mesra kaum wanita (Asmak & Zulekha, 2004; Siti Rokyah et al., 2017). Selain daripada aspek prasarana, kualiti pengimarah masjid, kualiti persekitaran yang bersih, ceria dan selamat serta kualiti pengurusan masjid yang baik juga dinilai pada tahap yang tinggi oleh responden kajian. Penilaian responden yang tinggi ini menunjukkan aspek kualiti masjid-masjid di negeri Kelantan berada pada tahap yang baik dan memuaskan.

Bagi objektif kedua, kesemua elemen kualiti secara positif mempengaruhi pelaksanaan ibadat solat secara berjemaah ($R^2=0.601$). Sebanyak 60.1 % varian dalam pelaksanaan ibadat solat secara berjemaah diterangkan oleh kesemua elemen ini iaitu kualiti pengurusan masjid, kualiti kuliah agama, kualiti prasarana dan kemudahan masjid dan kualiti kebersihan, keceriaan dan keselamatan masjid. Dapatan kajian ini selari dengan pandangan beberapa sarjana yang menekankan kepentingan pengurusan masjid yang cekap (Nor Rosmawati & Siti Syafiqah, 2016; Yaacob, 1996). Walaupun demikian, terdapat juga sedikit perbezaan dapatan kajian ini dengan beberapa kajian terdahulu berkaitan ketiadaan kualiti program ceramah masjid (Asmak & Zulekha, 2004), kurang sambutan masyarakat terhadap majlis ilmu (Fakhrul Adabi, 2007), prasarana yang tidak diurus dengan cekap (Muhammad Farhan & Mohd Dani, 2016), kemudahan masjid yang tidak memuaskan bagi kaum wanita (Siti Rokyah et al., 2017) dan kualiti fizikal masjid yang tidak memuaskan (Rozmal, 2005). Kesimpulan daripada hasil kajian ini, kesemua faktor kualiti masjid secara bersama mendorong masyarakat Islam di Kelantan untuk hadir ke masjid untuk menunaikan solat secara berjemaah.

Bagi objektif ketiga, hasil analisis IPMA menunjukkan elemen pengurusan masjid merupakan faktor paling mempengaruhi jemaah untuk melaksanakan solat secara berjemaah di masjid. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Nor Rosmawati dan Siti Syafiqah (2016) yang memperlihatkan keselarian peningkatan kecenderungan masyarakat dalam mengimarahkan masjid dengan peningkatan kualiti pengurusan masjid. Faktor kedua iaitu kualiti pengurusan kuliah agama di masjid dilihat memiliki pengaruh yang tidak kurang pentingnya dalam mempengaruhi jemaah untuk melaksanakan ibadat solat secara berjemaah di masjid. Berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh sarjana sebelum ini, wujud isu berkaitan kualiti program masjid yang dianjurkan yang kemudiannya diterjemahkan melalui sambutan masyarakat setempat yang tidak menggalakkan disebabkan pemilihan tajuk program dan ceramah yang tidak sesuai (Asmak & Zulekha, 2004). Pengaruh faktor lain seperti kualiti prasarana dan kemudahan masjid serta kualiti persekitaran masjid seperti kebersihan, keceriaan dan keselamatan masjid juga disokong oleh dapatan kajian-kajian yang lalu (Muhammad Farhan & Mohd Dani 2016; Asmak & Zulekha, 2004). Dapatan kajian ini selari dengan kajian sebelum

ini yang melihat bahawa persekitaran yang indah, menarik, kemas dan teratur menjadikan masjid lebih ceria dan ini merupakan faktor penyumbang yang menjadi daya penarik kepada jemaah masjid, pengunjung dan masyarakat untuk singgah ke masjid dan seterusnya bersama-sama untuk melaksanakan solat secara berjemaah (Nor Rosmawati & Siti Syafiqah, 2016; Siskawati et al., 2016).

Kesimpulan

Hasil kajian dengan jelas membuktikan aspek kualiti memainkan peranan yang penting dalam menggalakan lagi kehadiran masyarakat ke masjid. Aspek utama yang perlu diberi keutamaan dewasa ini adalah pada menjaga kualiti masjid dari sudut pengurusan organisasi. Pengurusan masjid perlu memiliki kualiti pengurusan yang baik dan idea yang berinovasi dalam mengatur dan memilih program pengimarah masjid yang menarik. Selain itu, pengimarah masjid melalui pelbagai aktiviti masjid terutama pelaksanaan program dan kuliah agama dapat dioptimumkan apabila ahli jawatankuasa masjid memainkan peranan dengan baik. Kualiti prasarana, kemudahan sedia ada dan yang akan dibina perlu mengambilkira keperluan semua pengunjung tidak kira lelaki dan perempuan dalam memastikan ia mencapai kualiti yang menjamin kepesatan masjid dan pertambahan jemaah masjid. Dalam masa yang sama, pengendalian persekitaran dan fizikal masjid dari sudut penjagaan kebersihan, keceriaan dan keselamatan masjid dapat meningkatkan lagi kualiti masjid. Oleh yang demikian, pihak pengurusan masjid dan badan-badan yang berautoriti dalam mengendalikan hal ehwal institusi masjid perlu mengambil inisiatif untuk lebih memberi keutamaan pada aspek di atas dalam rangka meninggikan lagi tahap kualiti dalam usaha untuk meramaikan lagi ahli jemaah ke masjid di negeri Kelantan.

Penghargaan

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) yang telah menyediakan geran penyelidikan (JUI. (KN) D.226/DW/P-103 (05)) dan Pegawai-pegawai Agama Jajahan yang memberikan sokongan dan kerjasama yang amat baik dalam proses mendapatkan data dan memastikan proses penyelidikan ini berjalan dengan lancar.

Rujukan

- Abdul Rashid Said Asghar. (2009). *Pengurusan Landskap dan Keceriaan Masjid*. Dicapai 24 April, 2023 daripada <http://harjinaziz.blogspot.com/2009/>
- Ajmain Safar. (2008). *Institusi Masjid dalam Memperkasakan Pembangunan Modal Insan*. Dalam Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Eds.). (2008). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid (1sted.)*. Skudai, Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 14-25.
- Al-Kafi Li Al-Fatawa (2023, April 23). *Al-Kafi #1070: Solat Berjemaah Selain Di Masjid Adakah Dapat Ganjaran 27 Kali Ganda?* <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3059-al-kafi-1070-solat-berjemaah-selain-masjid-adakah-dapat-ganjaran-27-kali-ganda>
- Asmak Ali dan Zulekha Yusoff. (2004). Masjid dan Peranannya dalam Membendung Gejala Sosial. Dalam Asmadi Naim dan Mohd Yusnaidi Md Sabri (ed.), *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid* (pp.325- 336), Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia.
- Azlan, Abd. Rahman and Rashidi, Abbas. (2018). Persepsi masyarakat terhadap program pengimarah masjid di Negeri Pahang: Satu analisis. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1(2), 16-26.

- Azmi, I. A. G., Ismail, S. H. S., & Basir, S. A. (2010). *Kualiti Perkhidmatan Awam di Malaysia menurut Islam*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Chin, W.W. (1998). Issues and opinion on structural equation modeling. *MIS Quarterly*, 22(1), 7-16.
- Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences (2nd ed.)*, Hillsdale, Lawrence Erlbaum Associates, NJ.
- Cronbach, L. J. (1951). Coefficient alpha and the internal structure of tests. *Psychometrika*, 16(3), 297-334.
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2007). Keberkesanan Kelas Agama di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor. *Jurnal Usuluddin*. 25, 73-88.
- Gold, A. H., Malhotra, A., & Segars, A. H. (2001). Knowledge management: an organizational capabilities perspective. *Journal of Management Information Systems*, 18(1), 185–214.
- Hair, J., Hollingsworth, C.L., Randolph, A.B., & Chong, A. (2017). An updated and expanded assessment of PLS-SEM in information systems researce. *Industrial Management & Data Systems*, 117(3), 442-458.
- Halim, 'I.A., Lateh, A.T.A, Saidin, A. (2020). Preliminary Evaluation of the Mosques Safety Audit Model in Kulim, Kedah Malaysia: A Review. *Asian People Journal*, 3(1), 162-169.
- Hassan, M. (1996). An Islamic Approach to Quality and Productivity, (ed.) Sadeq A.H. and Ahmad, A.K., *Quality Management from Islamic Perspective*, Leeds: Leeds Publications, pp. 188-206.
- Henseler, J., Ringle, C.M., Sarstedt, M. (2015). A new criterion for assessing discriminant validity in variance-based structural equation modeling. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 43(1), 115-135.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2023, April 24). *Tadabbur Kalamullah 15 Ramadhan 1441H - Kelebihan Solat Berjemaah*. <http://www.islam.gov.my/rujukan/penulisan-umum/2405-tadabbur-kalamullah-15-ramadhan-1441h-kelebihan-solat-berjemaah>
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610
- Malhotra, N.K. (2002). *Basic Marketing Research: Applications to Contemporary*. New Jersey: Prentice Hall International.
- Martilla, J.A. and James, J.C. (1977), "Importance-performance analysis", *The Journal of Marketing*, 41(1), 77-79.
- Mohd Khalit Othman. (2006). Model Pengurusan Kualiti Bagi Perkhidmatan Teknologi Maklumat: Fokus Kepada Bahagian Perkhidmatan Pengguna Sektor Awam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. *IJMS*, 14(1), 145-162
- Mohd Noor Azli Ali Khan, Mohd Zulrushdi Salleh, & Norhayati Salleh. (2008). Pengurusan Masjid: Satu Tinjauan ke atas Masjid Cemerlang. Dalam Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (Eds.). (2008). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Skudai, Johor: UTM, 27-43
- Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi. (2008). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Johor, Malaysia: UTM Press.
- Muhamad Faisal Ashaari & Firdaus Mokhtar (2018). Pandangan Imam dan Pentadbir Masjid tentang kehadiran masyarakat ke Masjid. *Malaysia Jurnal Hadhari*. 10(2), 205-223 ejournals.ukm.my/jhadhari) Selangor: UKM Press Bangi.
- Muhammad Farhan Wijaya & Mohd Dani Muhamad. (2016). Pengurusan Fasilitas Masjid: Sorotan Sejarah Dan Pengurusan Masakini. *Proceeding of the 3rd International*

- Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2016) (e-ISBN 978-967-13087-2-1). 1 December 2016, Shah Alam, Selangor, MALAYSIA. 49-56.*
- Nor Rosmawati binti Abdul Karim dan Siti Syafiqah Binti Salleh. (2016). *Faktor Yang Mempengaruhi Kecenderungan Masyarakat Dalam Mengimarahkan Masjid*. Proceedings of International Conference on Islamic Education and Research 2016 (ICER2016), 5th – 6th Dec 2016. 524-534.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory*. New York, NY: McGraw Hill.
- Ramlee, M. (1999). *The Role of Vocational and Technical Education in the Industrialization of Malaysia as Perceived by Educators and Employers* [Unpublished PhD Thesis, Purdue University].
- Roslan Mohamed. (2008). *Pemeriksaan Masjid Melalui Pengurusan Profesional*. Dalam Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Eds.). (2008). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid (1sted.)*. Skudai, Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1-12
- Rozmal Malakan (2005). *Panduan memelihara kebersihan masjid*. Dicapai pada 24 April, 2023 daripada <https://www.malaysiakini.com/letters/41278>
- Siskawati, E., Ferdawati, & Surya, F. (2016). Pemaknaan Akuntabilitas Masjid: Bagaimana Masjid dan Masyarakat Saling Memakmurkan? *Jurnal Akuntansi Multiparadigma*, 7(1), 70–80. Dicapai daripada <https://doi.org/10.18202/jamal.2016.04.7006>
- Siti Rokyah Md Zain, Ros Norita Abd Samad, Mohamed Muneer Samsudin, Wan Anuar Wan Mamat. (2017). *Prasarana Masjid Mesra Wanita Islam: Satu Tinjauan*. *e-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017) (e-ISBN 978-967-13087-3-8)*. 4th & 5th December 2017, Bangi, Selangor, MALAYSIA. 266-275
- Stevens, J. P. (2002). *Applied multivariate statistics for the social sciences* (4th ed.). Lawrence Erlbaum Associates.
- Ware J.E. Jr, Sherbourne C.D. (1992). The MOS 36-item short-form health survey (SF-36). I. *Conceptual framework and item selection*. 30(6), 473-83.
- Yaakob Abdul Rahim (1996), *Keupayaan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sebagai Pusat Pembangunan Belia Setempat Dari Pandangan Pegawai dan Ahli Jawatan Kuasa*. Kertas Projek Sarjana Sains, Pusat Pembangunan dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Putra Malaysia, 37.